

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini memberikan anda maklumat utama tentang fasiliti **Sewa Beli Perindustrian-i (IHP-i) Hong Leong** daripada Hong Leong Islamic Bank ("Bank").

Pelanggan lain yang telah membaca HPP ini mendapati ianya amat membantu; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: _____

① Apakah Sewa Beli Perindustrian-i Hong Leong (IHP-i)?

Sewa Beli Perindustrian-i ("IHP-i") menawarkan pembiayaan peralatan atau mesin yang tidak disenaraikan mengikut Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 untuk kegunaan perniagaan atau industri.

Kadar keuntungan yang dicaj adalah berdasarkan kepada kadar tetap dan tidak berubah sepanjang tempoh fasiliti.

Margin pembiayaan adalah sehingga 90%, bergantung kepada jenis peralatan atau mesin.

Produk ini berlandaskan kontrak Syariah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' ("AITAB"). AITAB yang membawa maksud sewa dan diakhiri dengan jualan/ belian. **[Nota: Perkataan "ansuran" yang digunakan dalam HPP ini merujuk kepada "penyewaan".]**

② Ketahui Kewajipan Anda

Apa yang saya akan perolehi daripada produk ini?

- Amaun Pembiayaan : RM <Sila rujuk Surat Tawaran>
- Margin Pembiayaan : <Sila rujuk Surat Tawaran> %
- Tempoh : <Sila rujuk Surat Tawaran> bulan
- Kadar Keuntungan : <Sila rujuk Surat Tawaran > % setahun

Kewajipan Pembayaran

Anda perlu menjelaskan pembayaran berjadual berikut, tepat pada masanya dan menjelaskan semua baki tertunggak pada atau sebelum tamat tempoh/tarikh matang kemudahan:

- Ansuran bulanan*: RM<Sila Rujuk Surat Tawaran>
- Ansuran Akhir : RM<Sila Rujuk Surat Tawaran>
- Jumlah Bayaran pada bulan terakhir [Sila rujuk Surat Tawaran] adalah**: RM<Sila rujuk Surat Tawaran>.

Nota:

- *Deposit yang telah dibayar oleh Pelanggan kepada pembekal sebelum pelaksanaan Perjanjian IHP-i akan menjadi sebahagian daripada bayaran ansuran bulanan pertama.
- Ansuran bulanan pertama adalah jumlah bersih yang akan dibayar oleh Pelanggan selepas menolak Deposit yang telah dibayar oleh Pelanggan kepada pembekal sebelum pelaksanaan Perjanjian IHP-i.
- Untuk mengelakkan keraguan, Deposit yang telah dibayar oleh Pelanggan kepada pembekal sebelum pelaksanaan Perjanjian IHP-i adalah tidak termasuk pembayaran sumbangan takaful/ caruman insurans (jika ada) untuk tahun pertama.
- **Termasuk RM1.00 sebagai harga jualan

Menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma-terma yang terkandung di dalam surat tawaran dan/atau perjanjian kemudahan sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran berjadual tepat pada masa dan menjelaskan semua baki tertunggak pada atau sebelum tamatnya tempoh matang Kemudahan.



Hubungi kami dengan segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran anda dan/atau bila anda menukar butiran hubungan anda.



Memastikan dan menyebabkan Barangan dilindungi dibawah perlindungan takaful/insuran# yang komprehensif sepanjang tempoh pembiayaan IHP-i.

Fi dan Caj: Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/bcb-i-financing.html> atau imbas kod QR.

③ Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

1. Anda akan membayar **jumlah yang lebih tinggi secara keseluruhan** disebabkan oleh caj pampasan (Ta'widh). Caj pampasan:
 - a) Bagi kemungkiran pembayaran semasa tempoh kemudahan = Sehingga 1% setahun ke atas amaun tertunggak.
 - b) Bagi kemungkiran yang menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = Sehingga 1% setahun ke atas jumlah baki semasa (baki prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);
 - c) Bagi kemungkiran pembayaran selepas tamat tempoh kemudahan = Kadar semalaman harian Pasaran Wang antara Bank Secara Islam ("IIMM") di Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas baki semasa (baki prinsipal dan keuntungan terakru)
 - d) Bagi kemungkiran pembayaran selepas penghakiman mahkamah = Kadar semalaman harian IIMM di BNM ke atas jumlah penghakiman asas
2. Kami mungkin akan menolak baki kredit dalam akaun deposit-i anda di Bank bagi menjelaskan baki pinjaman tertunggak tertakluk kepada pengeluaran notis bertulis 7 hari terlebih dahulu oleh pihak Bank kepada anda.
3. Kami mungkin akan merampas hartanah atau mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal memberi tindak balas terhadap notis-notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank dan anda perlu menanggung semua kos termasuk sebarang kekurangan selepas hartanah anda dijual.
4. Skor kredit anda mungkin akan terjejas, menyebabkan kedudukan kredit anda menjadi lebih sukar atau pinjaman menjadi lebih mahal.

④ Terma-terma Utama Lain

Perlindungan Takaful:

- Anda perlu memastikan Barangan dilindungi di bawah perlindungan takaful/insuran yang komprehensif sepanjang tempoh kemudahan IHP-i.
- Di mana berkenaan, perlindungan takaful/insurans ke atas pelanggan atau kakitangan utama dalam syarikat adalah perlu, untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal kakitangan utama syarikat tersebut.
- Kos takaful/insuran tidak dibiayai oleh Bank dan perlu ditanggung oleh anda.

Pembayaran Awal:

- Anda berhak untuk mendapat rebat (Ibra') berkanun pada tempoh sewa belum luput, yang akan dikira berdasarkan formula di bawah:


$$R = TC \times \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \text{ di mana,}$$

R	mewakili rebat keuntungan
TC	mewakili jumlah keuntungan yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan
n	mewakili baki tempoh pembiayaan yang dinyatakan dalam bulan
N	mewakili tempoh Kemudahan asal yang dinyatakan dalam bulan.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pembiayaan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603-7661 7777



Layari kami di:
www.hlisb.com.my/bcbi



E-mel kami di:
SME@hlbb@hongleong.com.my



Imbas kod QR untuk
maklumat lanjut

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) di MyKNP@CGC
dibawah CGC (untuk SME) di
Tel: 03 – 7880 0088
E-mel: myknp@cgc.com.my
Sesawang: <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK),
(untuk SME & individu):
Tel: 03 – 2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my
Sesawang: <https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

Untuk aduan kepada pihak Bank and juga aduan sekiranya masalah anda tidak diselesaikan oleh pihak Bank secara memuaskan:

Customer Advocacy
Tel: 03-7626 8821

Sesawang: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

Bank Negara Malaysia Link (BNMLINK)

Tel: 1-300-88-5465
Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK